



841690-H/KPK/LN:6354

**FAIZIN**  
INTERNATIONAL TRAVEL & TOURS SDN. BHD.

*Umrah Yakin Sempurna*

**UMRAH**  
1448H ✈️ 2026-2027



**Ustazah Cinta**

Duta & Ikon Personaliti

Fa Izin International Travel & Tours Sdn. Bhd.

**Ustaz Haji M. Abu Al-Laith bin Mohd Nizamuddin**


Pengarah Bimbingan Umrah & Haji

Fa Izin International Travel & Tours Sdn. Bhd.

# Kelebihan Umrah Bersama Fa Izin



Jaminan tiket penerbangan



Jaminan hotel berkontrak




Mutawwif yang berpengalaman



Petugas yang berpengalaman



Lebih 20 tempat ziarah



Kemudahan bas yang selesa



Insurans takaful berkelompok



Kursus umrah setiap minggu

- 01**
1. Jemaah boleh datang terus ke Pejabat Fa Izin Kuala Lumpur / cawangan terdekat / hubungi pegawai pemasaran yang berdaftar.
  2. Bayaran minima pendahuluan RM300 hendaklah dibayar bagi setiap pendaftaran.

- 02**
1. Baki pembayaran hendaklah dijelaskan 45 hari sebelum tarikh penerbangan.
  2. Semua dokumen berkaitan bagi urusan permohonan visa hendaklah diserahkan 45 hari sebelum tarikh penerbangan.

**03**

Jemaah dinasihatkan untuk membuat semua bayaran terus kepada akaun syarikat

**FA IZIN  
INTERNATIONAL  
TRAVEL & TOURS  
SDN. BHD.**

**5644 8140 6123**



## Perubahan Harga Pakej Mengikut Pertukaran Matawang Asing

Harga semua pakej di dalam brosur ini adalah mengikut nilai matawang MYR semasa. Oleh kerana kadar nilai matawang MYR berubah berbanding USD dan Saudi Riyal (SAR) atau lain-lain matawang berkaitan, harga pakej boleh berubah mengikut kadar nilai MYR semasa berbanding nilai matawang asing tersebut. Fa Izin berhak mengubah mana-mana harga pakej setelah memberi notis tidak kurang dari 7 hari sebelum tarikh penerbangan.

# Terma dan Syarat Pendaftaran

## ATURCARA PAKEJ

### 1. Tiada Jaminan Kesesuaian Aturcara

Walaupun FITTSB berusaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik, FITTSB tidak memberi jaminan bahawa semua aturcara yang disediakan adalah tidak berisiko dan sesuai untuk semua peringkat umur atau individu yang mempunyai rekod kesihatan yang kurang baik. FITTSB tidak boleh dipertanggungjawabkan atau menanggung liabiliti sekiranya timbul sebarang masalah, kesakitan, kecederaan atau kematian akibat dari mana-mana bahagian aturcara pakej yang anda ikuti samaada aturcara tersebut dinyatakan di dalam surat pengesahan, iklan atau brosur FITTSB atau aturcara pilihan anda sendiri. Anda adalah dinasihatkan untuk sentiasa menjaga kesihatan diri dan mengamalkan sikap berhati-hati sepanjang mengikuti pakej FITTSB.

### 2. Kemungkinan Pertukaran Aturcara

Tertakluk kepada peraturan 9 Jadual Keempat Akta Industri Pelancongan 1992, sekiranya berlaku pertukaran aturcara dan FITTSB terpaksa mengadakan aturcara alternatif sebagai ganti, FITTSB tidak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa aturcara alternatif tersebut menyamai kos atau mempunyai nilai yang serupa dengan aturcara asal yang diganti.

## PENGINAPAN HOTEL

### 1. Klasifikasi Penginapan

Taraf bintang hotel yang dinyatakan di dalam mana-mana iklan, brosur atau surat menyurat dari FITTSB adalah pentarafan yang diberikan oleh pihak hotel tersebut kepada FITTSB sebagai rujukan sahaja. Pentarafan hotel dan jumlah bintang mungkin berbeza dari satu negara ke negara yang lain. FITTSB tidak boleh memberi sebarang jaminan tentang kesesuaian hotel tersebut mengikut pentarafan hotel seperti yang diiklankan. Anda tidak boleh membatalkan pakej anda di atas alasan kekhilafan pentarafan hotel.

### 2. Perubahan Hotel

FITTSB berhak untuk mengubah hotel penginapan dari hotel yang dinyatakan di dalam brosur atau surat pengesahan pakej di atas sebab-sebab tiada kekosongan atau masalah kerosakan bilik dengan syarat notis awal dimaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 24 jam dari tarikh masuk ke hotel tersebut. Sekiranya berlaku, FITTSB tidak memberi jaminan tetapi akan berusaha sebaik mungkin untuk mendapatkan hotel penginapan ganti yang setaraf atau lebih baik. FITTSB tidak boleh dipertanggungjawabkan atau menanggung liabiliti bagi sebarang masalah yang timbul akibat dari penggantian hotel penginapan tersebut.

### 3. Polisi Hotel

Polisi mengenai waktu kemasukan (check-in) dan keluar (check-out) hotel penginapan adalah berbeza mengikut polisi hotel berkenaan. FITTSB tidak boleh dipertanggungjawabkan atau menanggung liabiliti kesusahan yang anda alami akibat dari kuasa polisi check-in dan check-out hotel berkenaan.

### 4. Jenis dan klasifikasi bilik

Jenis dan klasifikasi bilik termasuk ameniti (kemudahan) yang disediakan di dalam bilik tersebut adalah berbeza mengikut hotel dan negara destinasi. FITTSB tidak memberi jaminan bahawa bilik penginapan anda akan sama seperti yang digambarkan di dalam iklan atau brosur kami. FITTSB tidak boleh dipertanggungjawabkan atau menanggung liabiliti kesusahan yang anda alami akibat dari perbezaan jenis dan klasifikasi bilik yang anda terima atau disebabkan oleh kekurangan ameniti yang ada di dalam bilik tersebut.

## PERLINDUNGAN INSURANS PERJALANAN TAMBAHAN

FITTSB hanya menyediakan perlindungan takaful berkelompok yang terhad seperti yang dinyatakan di dalam brosur. Sepertimana peruntukan peraturan 12 Jadual Keempat Akta Industri Pelancongan 1992, anda adalah sangat disarankan untuk mengambil insurans perjalanan tambahan untuk melindungi perjalanan anda. Anda bebas memilih syarikat insurans yang bersesuaian dengan keperluan anda dan jenis perlindungan yang terbaik untuk diri anda. Apabila anda memilih untuk tidak mengambil insurans perjalanan tambahan, ianya bermaksud anda telah mengetahui dan bersetuju untuk menerima liabiliti dan risiko penalti pembatalan, gantirugi dan perbelanjaan tambahan di luar jangkaan tetapi tidak terhad kepada perbelanjaan kecemasan perubahan semasa perjalanan. Sekiranya anda telah membeli insurans tambahan, anda adalah dinasihatkan supaya menyemak semula terma-terma yang terkandung di dalam polisi insurans tersebut bagi memastikan bahawa perlindungan yang diperolehi mencukupi.

## FA IZIN SEBAGAI PIHAK KETIGA/PIHAK BERKECUALI

FITTSB adalah hanya perantara di antara anda dan syarikat-syarikat penerbangan, hotel penginapan, pengangkutan dan/atau pembekal perkhidmatan (ground supplier). FITTSB adalah bukan pemilik atau pengendali mana-mana syarikat penerbangan atau pengangkutan, hotel penginapan atau mana-mana tempat lawatan atau mana-mana pembekal yang berkaitan dengan pakej anda. Oleh yang demikian, FITTSB tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kehilangan, kerosakan, kelewatan, kesusahan atau kecederaan yang menimpa anda akibat dari pecah kontrak, peninggalan samada disengajakan atau tidak atau kecuaihan oleh syarikat penerbangan, syarikat hotel penginapan, syarikat pengangkutan dan pembekal perkhidmatan (ground supplier). Anda adalah dinasihatkan supaya membaca dengan teliti syarat-syarat dan terma tambahan ini sebelum bersetuju untuk melanggan pakej umrah atau percutian FITTSB. Syarat-syarat dan terma ini adalah tambahan kepada peruntukan terma dan syarat di dalam Jadual Keempat Akta Industri Pelancongan 1992. Ianya tidak mengurangkan kuasa kuasa peruntukan Jadual Keempat Akta Industri Pelancongan 1992 dan di mana terdapat sebarang percanggahan, terma dan syarat di dalam Jadual Keempat Akta Industri Pelancongan 1992 adalah terpakai. Sebaik sahaja anda membayar deposit dan/atau menandatangani persetujuan untuk melanggan pakej umrah atau percutian FITTSB, anda telah terikat melalui kontrak dengan pihak FITTSB dan dianggap telah membaca dan bersetuju dengan semua syarat-syarat dan terma-terma tambahan ini.

## PENGESAHAN MAKLUMAT BUTIRAN PAKEJ YANG BETUL

Anda dikehendaki menyemak maklumat mengenai pakej yang ditempah sebelum membuat pembayaran deposit termasuk tetapi tidak terhad kepada harga pakej, tarikh penerbangan pergi dan balik dan waktu berlepas dan ketibaan, pakej yang dipilih termasuk hotel penginapan dan jenis bilik yang dipilih dan lain-lain maklumat seperti yang tertera pada resit pembayaran dan/atau surat pengesahan. Anda adalah dianggap telah bersetuju dengan semua maklumat di dalam resit atau surat pengesahan dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang risiko atau kos tambahan pada pakej anda sekiranya anda gagal melaporkan sebarang kesilapan atau peninggalan di dalam butiran pakej anda dalam tempoh 24 jam dari tarikh resit atau surat pengesahan dikeluarkan.

## KETEPATAN BUTIRAN ATAU MAKLUMAT PERIBADI SEMASA PENEMPAHAN PAKEJ

Semasa penempahan pakej, semua butiran yang anda beri kepada FITTSB adalah maklumat yang akan diguna pakai oleh syarikat bagi menyempurnakan pakej yang anda langgan. Anda dikehendaki menyemak semua butiran/ maklumat peribadi sendiri sebelum membuat pembayaran deposit dan sekiranya tiada pembedaan dibuat, semua maklumat diberi adalah dianggap benar dan muktamad. FITTSB tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi sebarang kejadian atau masalah yang timbul akibat dari kesilapan butiran atau maklumat peribadi yang anda beri. Anda adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengesytihi tahap kesihatan anda sebelum membuat pembayaran deposit. FITTSB berhak untuk menolak tempahan anda sekiranya tahap kesihatan anda didapati membahayakan kesihatan dan keselamatan diri sendiri atau mengurangkan keselesaan atau keseronokan anggota lain di dalam kumpulan pelancongan anda. Sekiranya anda memerlukan bantuan disebabkan oleh tahap kesihatan anda, anda diwajibkan membawa ahli keluarga lain untuk membantu anda sepanjang perjalanan dan membawa sendiri peralatan bantuan seperti kerusi roda dan ubat-ubatan sendiri. FITTSB tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menjaga anda secara peribadi atau memberikan ubat-ubatan sekiranya anda sakit. Sekiranya keadaan anda memerlukan penjagaan secara peribadi, FITTSB berhak mengenakan bayaran tambahan kepada anda bagi mengupah pihak ketiga untuk menjaga anda.

## TIKET PENERBANGAN

Pakej anda adalah termasuk tiket penerbangan dari KLIA/KLIA 2 ke destinasi yang dituju sahaja tetapi tidak termasuk tiket penerbangan domestik ke KLIA/KLIA 2. Walaupun surat pengesahan berserta jadual penerbangan anda telah dicetak, jadual tersebut masih tertakluk kepada pindaan oleh syarikat penerbangan. Oleh yang demikian, sekiranya berlaku sebarang perubahan atau pindaan jadual penerbangan, FITTSB tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menanggung sebarang gantirugi termasuk tetapi tidak terhad kepada menggantikan bayaran perubahan tiket domestik, hotel tambahan atau lain-lain kesusahan akibat dari pindaan tersebut. FITTSB juga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan gantirugi, yang timbul akibat dari pertukaran jadual, kelewatan, pembatalan, missed connection, masalah mekanikal, cuaca buruk, penyusunan semula tempat duduk di dalam penerbangan, kehilangan/ kelewatan bagasi, kelewatan pemeriksaan imigresen dan/atau penolakan menaiki penerbangan oleh syarikat penerbangan.

# Akta Industri Pelancongan 1992

## Jadual Keempat (Subperenggan 6(1)(m)(ii))

AKTA INDUSTRI PELANCONGAN: PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PELANCONGAN  
(PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN) 1992  
Terma Dan Syarat Seragam Bagi Pakej Pelancongan Ke Luar Negeri

### 1. Deposit Pelancongan

Deposit maksimum sebanyak 25% daripada tambang pelancongan setiap orang mesti dibayar sebagai fi penempahan. Bakinya atau bayaran penuh mesti dibuat dalam masa 14 hari sebelum tarikh berlepas bagi pakej pelancongan Pengembara Perseorangan (FIT) dan 21 hari bagi pakej pelancongan berkumpulan. Kegagalan untuk mematuhi kehendak ini boleh mengakibatkan pembatalan penempahan dan pelucuthakan deposit.

### 2. Caj Pindaan

#### 2.1 Bagi Pakej Pelancongan Pengembara Perseorangan (FIT)

- 2.1.1 Apabila pengesahan pelancongan sudah dibuat, apa-apa perubahan yang dibuat kemudiannya kepada penempahan itu akan dikenakan caj pindaan sebanyak RM50.00 seorang bagi setiap perubahan.
- 2.1.2 Tiada perubahan boleh dibuat dalam masa 8 hari bekerja sebelum tarikh berlepas.
- 2.1.3 Perubahan seluruh tempahan merupakan pembatalan tempahan asal dan tertakluk kepada caj pembatalan seperti yang ditakrifkan dalam dasar pembatalan (lihat fasal 3.1- untuk pakej pelancongan FIT).

#### 2.2 Bagi Pakej Pelancongan Berkumpulan

- 2.2.1 Apabila pengesahan pelancongan sudah dibuat, tiada perubahan kepada tempahan boleh dibuat dalam masa 14 hari sebelum tarikh berlepas.
- 2.2.2 Walaubagaimanapun, apa-apa permintaan daripada mana-mana anggota untuk membuat apa-apa perubahan supaya dapat pulang lebih awal atau kemudian daripada kumpulannya, tertakluk kepada syarat masing-masing syarikat penerbangan.
- 2.2.3 Perubahan seluruh tempahan merupakan pembatalan tempahan asal.

### 3. Caj Pembatalan Bagi Pembatalan Yang Dibuat oleh Anggota Pelancongan

#### 3.1 Bagi Pakej Pelancongan Pengembara Perseorangan (FIT)

- 3.1.1 Pembatalan tempahan mesti dibuat secara bertulis untuk mengelakkan salah faham. Jika syarikat menerima notis untuk membatalkan tempahan itu 30 hari atau lebih sebelum tarikh berlepas, fi pentadbiran minimum sebanyak RM50.00 atau 10% daripada deposit pelancongan (mengikut yang mana-mana yang lebih rendah) seorang akan dikenakan.
- 3.1.2 Jika notis pembatalan itu diterima 29 hari atau kurang sebelum tarikh berlepas, caj yang berikut akan terpakai:

##### Pembatalan Diterima

- 15-29 hari bekerja sebelum tarikh berlepas
- 8-14 hari bekerja sebelum tarikh berlepas
- 3-7 hari bekerja sebelum tarikh berlepas
- 2 hari bekerja atau kurang sebelum tarikh berlepas

##### Caj Pembatalan Bagi Setiap Orang

- 50% daripada deposit pelancongan
- 20% daripada tambang pelancongan
- 40% daripada tambang pelancongan
- 100% daripada tambang pelancongan

- 3.1.3 Dasar pembatalan masing-masing syarikat penerbangan mengenai promosi tambang istimewa hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada caj pembatalan seperti yang dinyatakan dalam fasal 3.3.2 (Catatan: Tiket penerbangan adalah terhad dan tertakluk kepada Terma dan Syarat Syarikat Penerbangan. Ia mungkin tidak boleh diendoskan, tidak boleh dikeluarkan semula, tidak boleh diberi bayaran balik dan tidak boleh dipindahkan laluan. Apa-apa pindaan kepada laluan atau perubahan tarikh perjalanan oleh mana-mana penumpang adalah semata-mata atas risiko beliau sendiri. Syarikat atau ejen bersekutunya tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerumitan yang timbul dan perbelanjaan yang dilakukan. Walaubagaimanapun, apa-apa bayaran balik yang dibuat oleh mana-mana syarikat penerbangan untuk pembatalan yang dibuat 2 hari bekerja atau kurang sebelum hari perjalanan bagi tambang bukan promosi hendaklah dibayar kepada anggota pelancongan selepas ditolak apa-apa caj pentadbiran yang ditanggung oleh syarikat pelancongan).

#### 3.2 Bagi Pakej Pelancongan Berkumpulan

- 3.2.1 Pembatalan tempahan perlu mesti secara bertulis untuk mengelakkan salah faham. Jika syarikat menerima notis untuk membatalkan tempahan itu 45 hari atau lebih sebelum tarikh berlepas, fi pentadbiran minimum sebanyak RM30.00 atau 2% daripada tambang pelancongan (mengikut yang mana-mana yang lebih tinggi) seorang akan dikenakan.
- 3.2.2 Jika notis pembatalan diterima 44 hari atau kurang sebelum tarikh berlepas, caj yang berikut akan terpakai:

##### Pembatalan Diterima

- 22-44 hari bekerja sebelum tarikh berlepas
- 15-21 hari bekerja sebelum tarikh berlepas
- 8-14 hari bekerja sebelum tarikh berlepas
- 3-7 hari bekerja sebelum tarikh berlepas
- 2 hari bekerja atau kurang sebelum tarikh berlepas

##### Caj Pembatalan Bagi Setiap Orang

- Pelucuthakan deposit pelancongan
- 35% daripada deposit pelancongan
- 50% daripada tambang pelancongan
- 75% daripada tambang pelancongan
- 100% daripada tambang pelancongan

- 3.2.3 Dasar pembatalan masing-masing syarikat penerbangan bagi promosi tambang istimewa hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada caj pembatalan seperti yang dinyatakan dalam fasal 3.2.2 (Catatan: Tiket kapal terbang adalah terhad dan tertakluk kepada Terma dan Syarat Syarikat Penerbangan. Ia mungkin tidak boleh diendoskan, tidak boleh dikeluarkan semula, tidak boleh diberi bayaran balik dan tidak boleh dipindahkan laluan. Sebarang pemindaan kepada laluan atau pertukaran tarikh perjalanan adalah atas risiko beliau sendiri. Syarikat atau ejen bersekutunya tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerumitan yang timbul dan perbelanjaan tambahan yang tertanggung).

### 4. Pembatalan Oleh Syarikat

#### 4.1 Pakej Pelancongan (FIT)

- 4.1.1 Syarikat berhak untuk membatalkan pelancongan jika berlaku bencana alam, perang, mogok, rusuhan, atau atas arahan Kerajaan Malaysia yang diluar kawalan syarikat.
- 4.1.2 Syarikat hendaklah mengesyorkan pelancongan alternatif, sebaiknya ke destinasi yang sama atau pelancongan lain. Sekiranya penumpang memutuskan untuk tidak menerima pelancongan alternatif, semua wang yang telah dibayar akan dibayar balik kepada penumpang selepas ditolak fi pentadbiran yang kena dibayar.

#### 4.2 Pakej Pelancongan Berkumpulan

- 4.2.1 Syarikat berhak membatalkan pelancongan jika berlaku bencana alam, perang, mogok, rusuhan atau arahan Kerajaan Malaysia yang diluar kawalan syarikat.
- 4.2.2 Syarikat hendaklah mengesyorkan pelancongan alternatif, sebaiknya ke destinasi yang sama atau pelancongan lain. Sekiranya penumpang memutuskan untuk tidak menerima pelancongan alternatif itu, semua wang yang telah dibayar akan dipulangkan kepada penumpang selepas ditolak fi pentadbiran yang kena dibayar.
- 4.2.3 Jika keadaan memerlukan syarikat membatalkan lawatan disebabkan oleh kekurangan penumpang atau ketidakmampuan untuk memperoleh kemudahan pengangkutan atau penginapan, syarikat akan memulangkan semua wang yang telah dibayar dan juga membayar pampasan seperti berikut:

##### Pembatalan Diterima

- 8-14 hari bekerja sebelum tarikh berlepas
- 1-7 hari bekerja sebelum tarikh berlepas
- Pada hari berlepas

##### Caj Pembatalan Bagi Setiap Orang

- Bayaran balik penuh tambang pelancongan dan pampasan sebanyak RM50.00
- Bayaran balik penuh tambang pelancongan dan pampasan sebanyak RM75.00
- Bayaran balik penuh tambang pelancongan dan pampasan sebanyak RM100.00

## 5. Dokumen Perjalanan

### 5.1 Tanggungjawab Anggota Pelancongan

Anggota pelancongan mestilah mempunyai:

- Passport antarabangsa atau dokumen perjalanan diiktiraf yang lain yang sepatutnya sah bagi tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh kepulangan semula ke negara asal;
- Visa yang perlu dan perakuan vaksinasi dan kesihatan yang dikehendaki oleh pelbagai pihak berkuasa negara yang hendak dilawati.

### 5.2 Tanggungjawab syarikat

Syarikat mengaku janji untuk:

- Menasihati anggota pelancongan mengenai dokumen yang diperlukan;
- Mana-mana mungkin, syarikat akan membantu penumpang untuk memperoleh visa yang sesuai. Walaubagaimanapun, syarikat tidak dapat menjamin kelulusan mana-mana permohonan visa.

### 5.3 Fi dan Caj Yang Relevan

Caj perkhidmatan dan fi visa hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh anggota pelancongan.

### 5.4 Penolakan Visa atau Dokumen Perjalanan

Jika atas apa-apa sebab, permohonan visa atau permit keluar yang perlu ditolak, tambang pelancongan selepas ditolak fi pentadbiran akan dibayar balik.

### 5.5 Penolakan Kemasukan

Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan atau menanggung liabiliti bagi apa-apa perbelanjaan, bayaran ganti atau bayaran balik tambang pelancongan jika mana-mana anggota pelancongan tidak dibenarkan masuk atau dideportasikan oleh pihak berkuasa imigresen kerana memiliki barang yang menyalahi undang-undang atau memegang dokumen perjalanan yang tidak wajar atau sebab-sebab lain atau yang kelakuan dan aktiviti yang dianggap oleh kerajaan asing itu boleh mendatangkan keburukan.

## 6. Maklumat Lawatan dan Harga

- Harga yang ditunjukkan ialah harga semasa pada masa penerbitan. Maklumat lawatan dan senarai harga merupakan sebahagian daripada brosur. Harga tertakluk kepada pertukaran yang disebabkan oleh kenaikan tambang kapal terbang, kos pengangkutan lain, kadar hotel, kadar pertukaran mata wang asing, cukai kerajaan dan sebagainya. Oleh itu, syarikat berhak menaikkan harga dengan syarat ia memberitahu pelanggan dengan sewajarnya sebelum pengesahan pelancongan dibuat.
- Syarikat berwaad bahawa perkara-perkara yang berikut dimasukkan ke dalam tambang pelancongan:
  - Tiket kapal terbang pergi balik, tidak termasuk semua cukai lapangan terbang dan apa-apa cukai yang terpakai.
  - Penginapan hotel berdasarkan:
    - Dasar berkongsi (dua orang sebilik);
    - Tambahan seorang (orang yang menginap bersendirian - orang itu hendaklah membayar tambahan seorang); dan
    - Berkongsi tiga (tiga orang melancong bersama)Bagi kumpulan yang terdiri daripada 3 orang, tempat penginapan adalah berdasarkan tiga orang berkongsi satu bilik di mana-mana berkenaan. Tambang pelancongan kanak-kanak sebagaimana yang diiklankan adalah berdasarkan kanak-kanak berumur 2 tahun tetapi tidak melebihi 12 tahun yang berkongsi bilik kembar dengan dua orang dewasa.
  - Semua makanan, lawatan bersiar-siar dan perkara lain sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual perjalanan.
  - Semua lawatan bersiar-siar dan pemindahan adalah berdasarkan tempat duduk dalam bas.
- Perkara-perkara yang tidak termasuk dalam tambang pelancongan ialah:
  - Dobi;
  - Makanan dan minuman yang tidak terdapat dalam menu lazim;
  - Rombongan pilihan;
  - Upah mengangkat barang di lapangan terbang dan hotel; dan
  - Semua perkara persendirian

## 7. Bayaran Balik Untuk Perkhidmatan Yang Tidak Digunakan

Tiada bayaran balik atau pengurangan harga akan dibuat kepada mana-mana anggota berkenaan dengan tambang kapal terbang, penginapan, makanan, lawatan bersiar-siar, pengangkutan atau mana-mana perkhidmatan lain yang termasuk dalam tambang tetapi tidak digunakan oleh anggota pelancongan atas sebab peribadi.

## 8. Bagasi

Syarikat penerbangan ada memperuntukkan elaun bagasi percuma dan kuantum dan syaratnya mungkin berbeza antara satu syarikat kapal terbang dengan yang lain atau antara satu pihak berkuasa lapangan terbang dengan yang lain. Peraturan ini turut terpakai bagi bagasi yang dibawa sendiri di atas kapal terbang. Ejen pelancongan akan menasihati penumpang tentang syarat-syarat itu. Penumpang dikehendaki membeli perlindungan insurans yang mencukupi.

## 9. Kemungkinan Pertukaran

Jadual syarikat penerbangan atau keadaan tempatan mungkin memerlukan lawatan bersiar-siar, hotel dan laluan diubah. Jika ini berlaku, syarikat hendaklah membuat perkiraan alternatif bergantung keadaan tempatan.

## 10. Hak untuk Menolak Penempahan

Syarikat berhak untuk membatalkan atau menarik balik apa-apa jadual perjalanan, atau tempahan yang telah dibuat untuk pelanggan atau enggan menerima atau mengekalkan seseorang menjadi anggota pelancongan sekiranya dia didapati membahayakan kesihatan atau keselamatan, atau mengurangkan keselesaan atau keseronokan anggota yang lain dalam pelancongan itu. Syarikat juga berhak membatalkan tempahan jika atas apa-apa sebab, mana-mana pembawa, hotel atau kontraktor lain enggan untuk membenarkan mana-mana peserta menyertai pelancongan itu. Dalam mana-mana keadaan sedemikian tanggungjawab adalah semata-mata untuk memulangkan semula kepada anggota pelancongan itu wang yang telah dibayar setelah ditolak amaun perkhidmatan yang telah digunakan dan fi perkhidmatan dan fi pembatalan.

## 11. Tanggungjawab Syarikat

Syarikat dan ejen bersekutunya hendaklah bertanggungjawab bagi perkhidmatan yang disediakan seperti pengangkutan, penginapan, hiburan dan makanan, sebagaimana yang ditunjukkan dalam brosur mereka. Syarikat hendaklah membayar pampasan yang sesuai yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya sekiranya, selepas penyiasatan dibuat, Pesuruhjaya mendapati perkhidmatan yang disediakan tidak seperti yang terdapat didalam brosur dan perjanjian.

## 12. Insurans Perjalanan

Semua anggota pelancongan digalakkan membeli insurans perjalanan untuk melindungi diri mereka daripada sakit, kehilangan wang, pembatalan, kelewatan penerbangan atau kehilangan bagasi.

*Pakej Umrah*  
**BAITUL JANNAH**

~ EDISI KHAS BERSAMA KELUARGA ~



Imbas kod QR  
untuk sertai group  
WhatsApp

USTAZAH  
**Cinta**

SEGALANYA TENTANG CINTA

Ustazah Maudah binti Ali

**DUTA & IKON PERSONALITI**

FA IZIN INTERNATIONAL TRAVEL & TOURS SDN. BHD.



# Pakej Umrah **MESRA BAJET**

1448H

**OMAN AIR**

PENERBANGAN TRANSIT	9 HARI / 7 MALAM	SARAPAN SAHAJA
BILIK BER-4	BILIK BER-3	BILIK BER-2
<b>RM5,390</b>	<b>RM5,890</b>	<b>RM6,590</b>

## MUSIM BIASA

11 Jul - 18/19 Jul 2026  
22 Ogo - 29/30 Ogo 2026  
07 Sep - 14/15 Sep 2026

20 Sep - 27/28 Sep 2026  
04 Okt - 11/12 Okt 2026  
18 Okt - 25/26 Okt 2026

01 Nov - 08/09 Nov 2026  
08 Nov - 15/16 Nov 2026  
01 Jan - 08/09 Jan 2027

22 Jan - 29/30 Jan 2027

### Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan ekonomi
- Visa umrah/pelancong
- Sarapan pagi sahaja
- 2x umrah (bimbingan Mutawwif)
- 20+ tempat ziarah
- Insurans Takaful Berkelompok
- Beg sandang



Harga all in termasuk tiket penerbangan, cukai lapangan terbang dan surcaj bahan api tetapi tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa dengan notis awal. Tarikh penerbangan adalah tarikh jangkaan dan tertakluk kepada perubahan mengikut jadual syarikat penerbangan tersebut. Sila rujuk risalah terkini dari masa ke semasa.

# Pakej Umrah AL AMJAD

1448H



PENERBANGAN TERUS

9 HARI / 7 MALAM

3X MAKAN SEHARI

BILIK BER-4

**RM6,390**

BILIK BER-3

**RM6,890**

BILIK BER-2

**RM7,590**

## MUSIM BIASA

23 Jul - 30/31 Jul 2026  
06 Ogo - 13/14 Ogo 2026

17 Sep - 24/25 Sep 2026  
01 Okt - 08/09 Okt 2026

12 Nov - 19/20 Nov 2026  
07 Jan - 14/15 Jan 2027

### Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan ekonomi
- Visa umrah/pelancong
- 3x makan sehari
- 2x umrah (bimbingan Mutawwif)
- 20+ tempat ziarah
- Insurans Takaful Berkelompok
- Beg sandang

MAKKAH



**Amjad Al Jazeera**  
/ setaraf ± 400-450 meter

MADINAH



**Hayah Plaza**  
/ setaraf ± 180-250 meter

Harga all in termasuk tiket penerbangan, cukai lapangan terbang dan surcaj bahan api tetapi tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa dengan notis awal. Tarikh penerbangan adalah tarikh jangkaan dan tertakluk kepada perubahan mengikut jadual syarikat penerbangan tersebut. Sila rujuk risalah terkini dari masa ke semasa.

# Pakej Umrah AL LAITH

1448H



PENERBANGAN TERUS

12 HARI / 10 MALAM

3X MAKAN SEHARI

ZIARAH TAIIF & BADAR

BILIK BER-4

**RM7,490**

BILIK BER-3

**RM7,990**

BILIK BER-2

**RM8,990**

## MUSIM BIASA

20 Jul - 30/31 Jul 2026  
29 Jul - 08/09 Ogo 2026  
10 Ogo - 20/21 Ogo 2026  
11 Ogo - 21/22 Ogo 2026  
10 Sep - 20/21 Sep 2026

28 Sep - 08/09 Okt 2026  
30 Sep - 10/11 Okt 2026  
14 Okt - 24/25 Okt 2026  
24 Okt - 03/04 Nov 2026  
29 Okt - 08/09 Nov 2026

16 Nov - 26/27 Nov 2026  
19 Nov - 29/30 Nov 2026  
23 Nov - 03/04 Dis 2026  
30 Dis - 09/10 Jan 2027  
06 Jan - 16/17 Jan 2027

12 Jan - 22/23 Jan 2027  
20 Jan - 30/31 Jan 2027  
28 Jan - 07/08 Feb 2027

BILIK BER-4

**RM8,990**

BILIK BER-3

**RM9,590**

BILIK BER-2

**RM10,590**

## CUTI SEKOLAH

08 Dis - 18/19 Dis 2026

24 Dis - 03/04 Jan 2027

### Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan ekonomi
- Visa umrah/pelancong
- 3x makan sehari
- 3x umrah (bimbingan Mutawwif)
- 20+ tempat ziarah
- Insurans Takaful Berkelompok
- Set lengkap bagasi umrah
- Kurma ajwa dan sejadah raudah

MAKKAH



**Amjad Al Jazeera**  
/ setaraf ± 400-450 meter

MADINAH



**Hayah Plaza**  
/ setaraf ± 180-250 meter

Harga all in termasuk tiket penerbangan, cukai lapangan terbang dan surcaj bahan api tetapi tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa dengan notis awal. Tarikh penerbangan adalah tarikh jangkaan dan tertakluk kepada perubahan mengikut jadual syarikat penerbangan tersebut. Sila rujuk risalah terkini dari masa ke semasa.

# Pakej Umrah AL SAFWAH

1448H



PENERBANGAN TERUS

12 HARI / 10 MALAM

SARAPAN SAHAJA

ZIARAH TAIF & BADAR

BILIK BER-5

**RM8,490**

BILIK BER-4

**RM8,890**

BILIK BER-3

**RM9,490**

BILIK BER-2

**RM10,690**

## MUSIM BIASA

23 Jul - 02/03 Ogo 2026  
27 Jul - 06/07 Ogo 2026  
06 Ogo - 16/17 Ogo 2026

11 Sep - 21/22 Sep 2026  
24 Sep - 04/05 Okt 2026  
01 Okt - 11/12 Okt 2026

13 Nov - 23/24 Nov 2026  
03 Jan - 13/14 Jan 2027  
09 Jan - 19/20 Jan 2027

13 Jan - 23/24 Jan 2027  
16 Jan - 26/27 Jan 2027  
26 Jan - 05/06 Feb 2027

BILIK BER-5

**RM9,690**

BILIK BER-4

**RM10,290**

BILIK BER-3

**RM11,190**

BILIK BER-2

**RM12,990**

## CUTI SEKOLAH

10 Dis - 20/21 Dis 2026

### Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan ekonomi
- Visa umrah/pelancong
- Sarapan pagi (Safwah)
- 3x umrah (bimbingan Mutawwif)
- 20+ tempat ziarah
- Insurans Takaful Berkelompok
- Set lengkap bagasi umrah
- Kurma ajwa dan sejadah raudah



Harga all in termasuk tiket penerbangan, cukai lapangan terbang dan surcaj bahan api tetapi tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa dengan notis awal. Tarikh penerbangan adalah tarikh jangkaan dan tertakluk kepada perubahan mengikut jadual syarikat penerbangan tersebut. Sila rujuk risalah terkini dari masa ke semasa.

# Tatacara Permohonan Visa

## ANDA PERLU MENYEDIAKAN

1. Passport antarabangsa yang masih sah laku 6 bulan dari tarikh penerbangan serta masih ada sekurang-kurangnya baki 6 muka surat yang belum digunakan.
2. Buku suntikan Meningococcal Meningitis Quadrivalent (ACYW135).
3. 2 keping gambar berukuran 4cm x 6cm, latar belakang berwarna putih, wanita bertudung gelap manakala lelaki tanpa memakai songkok/kopiah.
4. Membuat biomatrik 30 hari sebelum penerbangan. Boleh rujuk panduan Saudi Visa Bio dengan cara mengimbas barcode yang disediakan di muka surat 12.
5. Mengimbas muka depan passport, wajah dan 10 jari. Bagi yang ada masalah tersebut, dokumen tambahan perlu dimuatnaik dalam aplikasi Saudi Visa Bio (dokumen perlu dalam bahasa Inggeris dan bahasa arab sahaja).

## TAMBAHAN BAGI BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA

1. Wang cagaran RM10,000 wajib dikenakan bagi negara-negara tertentu sahaja (bukan warganegara).
  2. Sila rujuk dengan pejabat Fa Izin International Travel & Tours Sdn.Bhd. jika dokumen seperti di bawah diperlukan.
    - Kemudahan permohonan visa umrah (easy apply) bagi semua warganegara kecuali negara-negara seperti Iran, Yamen, Libya, Palestine, Syrian, Afghanistan dan negara yang tiada pejabat konsulat Saudi Arabia.
    - Pemastautin Tetap (Permanent Residence)**  
Salinan Kad Pengenalan yang disahkan oleh JPN dan Wisma Putra atau Kad Pengenalan Original.
    - Jemaah Lelaki**  
Pengesahan status menetap dan pekerjaan/ Statutory Declaration Status Permanent Residence and job stats disahkan oleh Pejabat Pesuruhjaya Sumpah dan Wisma Putra.
    - Jemaah Wanita (Women Group)**  
Surat izin (Letter of consent) dari suami/anak/adik beradik lelaki perlu disahkan oleh Pejabat Pesuruhjaya Sumpah dan Wisma Putra.
    - Permit/ Visa Pekerja**  
(Employment Pass - Multiple Entry) Surat Pengesahan Majikan yang disahkan oleh Notary Public dan Wisma Putra. (surat pengesahan wajib berbahasa Inggeris)
    - Visa Pelajar (Student Visa - Multiple Entry)**  
Surat Pengesahan dari Kolej/Universiti/Sekolah yang disahkan oleh Notary Public dan Wisma Putra. (surat pengesahan wajib berbahasa Inggeris)
    - Visa Keluarga (Social Visit/Dependent Pass) (Multiple Entry)**  
Salinan Sijil Nikah/Sijil Lahir disahkan oleh kedutaan masing-masing dan Wisma Putra. Visa Permit perlu sah laku 6 bulan ke atas dari tarikh permohonan visa.
    - Visa/Permit Jaminan Anak (Tajaan)**  
Perlu mendapatkan surat perlepasan dari tajaan serta menyediakan dokumen yang menunjukkan hubungan dan disahkan oleh jabatan tertentu dan Wisma Putra.
    - Kategori Visa Sponsor/Tajaan**  
Surat izin (Letter of consent) dari penaja dan perlu disahkan oleh Pejabat Pesuruhjaya Sumpah serta Wisma Putra dan dokumen sokong.
    - Bagi pembantu rumah (maid) jika umur bawah 45 tahun**  
Majikan wajib pergi bersama-sama. Surat majikan perlu ada cop Wisma Putra & Notary Public.
    - Bagi pembantu rumah (maid) jika umur atas 45 tahun**  
Surat majikan perlu ada cop Wisma Putra & Notary Public.
- Nota: Hal-hal lain tertakluk kepada budi bicara Kedutaan Arab Saudi.

## INFORMASI TAMBAHAN

- Bagi yang telah memohon visa pelancong tetapi permohonan tersebut telah ditolak oleh Kementerian Pelancongan Saudi, jemaah perlu membuat tambahan bayaran untuk permohonan visa umrah sebagai visa baru (jika perlu).
- Kesemua dokumen ini perlu diserahkan ke pejabat Fa Izin 45 hari sebelum penerbangan. Bagi pakej bulan Ramadan dokumen perlu diserahkan 60 hari sebelum penerbangan.
- Sebarang perubahan dokumen mahram tertakluk kepada pihak kedutaan Arab Saudi.
- Untuk pengesahan Wisma Putra bagi dokumen warganegara asing akan dikenakan bayaran mengikut jenis-jenis dokumen.
- Surat Izin (letter of consent) hendaklah dibuat dalam bahasa Inggeris.
- Pengesahan dari JPN (Jabatan Pendaftaran Negara) wajib dibuat dalam bahasa Inggeris. Contoh boleh dibuat di ibu pejabat JPN negeri atau mana-mana cawangan JPN.
- Pengesahan dari Pejabat Agama Islam boleh dibuat di mana-mana pejabat agama di bahagian nikah, rujuk dan cerai sahaja.

Pengesahan dari Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) boleh dibuat di:

### Kementerian Luar Negeri Malaysia (Bahagian Konsular)

Kompleks Wisma Putra, No1, Jalan Wisma Putra, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62602 Putrajaya.

Nombor Telefon: 03-80008000

### Sabah Regional Office, Ministry of Foreign Affairs

Block A, 7th Floor, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu.

Nombor Telefon: 088-220018

### Sarawak Regional Office, Ministry of Foreign Affairs Malaysia

Level 14, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga, 93300 Kuching.

Nombor Telefon : 082-236146

# Biometrik



1



## LANGKAH 1 IMBASAN PASSPORT

Menggunakan kamera belakang telefon anda, imbas passport anda supaya kami boleh mengesahkan identiti anda.

- ✓ Hidupkan fungsi NFC pada penetapan telefon
- ✓ Pastikan tiada silau atau bayang-bayang pada passport
- ✓ Pegang dokumen dengan lurus dan stabil
- ✓ Ambil di tempat yang terang

2



## LANGKAH 2 TANGKAPAN MUKA

Menggunakan kamera hadapan telefon anda, ambil gambar muka anda supaya kami boleh menyemak passport anda dan mengesahkan identiti anda.

- ✓ Pastikan muka anda kelihatan sepenuhnya
- ✓ Tanggalkan cermin mata atau alih rambut yang menjatuhkan muka anda
- ✓ Ambil di tempat yang terang tanpa bayang-bayang pada muka anda
- ✓ Pastikan latar belakang berwarna putih
- ✓ Pastikan mata anda terbuka dengan ekspresi neutral (jangan senyum)

3



## LANGKAH 3 IMBASAN CAP JARI

Menggunakan kamera belakang telefon anda, imbas cap jari anda supaya kami boleh mengesahkan identiti anda.

- ✓ Menggunakan kamera belakang telefon anda, tunjukkan hujung jari anda supaya kami boleh mengambil imbasan cap jari anda.
- ✓ Untuk menangkap ibu jari kanan - pegang telefon mudah alih di tangan kiri anda, gunakan kamera belakang. Letakkan ibu jari kanan anda dalam tindanan paparan kamera. Aplikasi akan menangkap ibu jari kanan secara automatik.
- ✓ Untuk menangkap empat jari tangan kanan - pegang telefon mudah alih di tangan kiri anda, gunakan kamera belakang. Letakkan tangan kanan anda dalam tindanan paparan kamera. Aplikasi akan menangkap empat jari tangan kanan secara automatik.
- ✓ Untuk menangkap ibu jari kiri - pegang telefon mudah alih di tangan kanan anda, gunakan kamera belakang. Letakkan tangan kiri anda dalam tindanan paparan kamera. Aplikasi akan menangkap empat jari tangan kiri secara automatik.
- ✓ Untuk menangkap empat jari tangan kiri - pegang telefon mudah alih di tangan kanan anda, gunakan kamera belakang. Letakkan tangan kiri anda dalam tindanan paparan kamera. Aplikasi akan menangkap empat jari tangan kiri secara automatik.

**Rujuk ibu pejabat atau cawangan Fa Izin jika mengalami masalah cap jari.**

VIDEO PANDUAN PENGGUNA



Imbas QRCODE untuk melihat video panduan pengguna di aplikasi Saudi Visa Bio

Muat turun dan pasang aplikasi Saudi Visa Bio di telefon pintar anda




GET IT ON  
Google Play



Download on the  
App Store




## Peta Lokasi Hotel di Madinah



- ◆ MADEN AL RAWDA ±80m    ◆ NOZOL ROYAL INN ±150m    ◆ AL RITZ AL MADINAH ±150m    ◆ HAYAH PLAZA ±180m
- ◆ ODST AL MADINAH ±180m    ◆ VALY AL MADINAH ±250m    ◆ GULNAR TAIBA ±250m    ◆ HAYAH GOLDEN ±315m

## Peta Lokasi Hotel di Makkah



- ◆ SAFWAH ROYALE ORCHID ±50m    ◆ PULLMAN ZAM ZAM ±50m    ◆ OLAYAN AL HARAM ±350m    ◆ ELAF AL RAYYAN ±450m
- ◆ AMJAD AL JAZEERA ±450m    ◆ REHAB AL TAQWA ±750m    ◆ OLAYAN GOLDEN ±780m

# Aturcara Perjalanan Pakej Umrah 12 Hari

Jadual umum ini adalah bagi sektor KULMED-JEDKUL, sebagai rujukan awal dan tertakluk kepada perubahan semasa serta lain-lain faktor diluar kawalan syarikat



## HARI 1 KUALA LUMPUR → MADINAH

- ✓ Lapor diri di KLIA, 4jam sebelum penerbangan
- ✓ Check-in bagasi, serahan pasport dan boarding pass
- ✓ Bertolak ke Airport Madinah
- ✓ Tiba di Airport Madinah dan menaiki bas ke hotel



## HARI 2 - 4 MADINAH AL MUNAWWARAH

### Ziarah Dalam Madinah

- ✓ Saqifah Bani Saedah
- ✓ Masjid Alghamamah, Masjid Abu Bakar, Masjid Ali
- ✓ Maqam Rasulullah s.a.w dan para sahabat
- ✓ Raudhah (masa tertakluk kepada permit muassasah)
- ✓ Perkuburan Baqi dan para sahabat

### Ziarah Luar Madinah

- ✓ Masjid Ijabah
- ✓ Masjid Bilal
- ✓ Masjid Jumaah
- ✓ Masjid Quba
- ✓ Ladang Kurma
- ✓ Jabal Uhud (Masjid Shuhada, Permakaman Shuhada, Bukit Pemanah)
- ✓ Masjid Qiblatain
- ✓ Masjid 7 (Medan Perang Khandak)
- ✓ Badar



## HARI 5 MADINAH → MAKKAH

- ✓ Ziarah Wada'
- ✓ Memakai ihram dari hotel di Madinah
- ✓ Bir Ali (miqat umrah pertama)
- ✓ Tiba di Makkah, melaksanakan Tawaf dan Sai'e secara berkumpulan dan dibimbing oleh Mutawwif



## HARI 6 - 10 MAKKAH AL MUKKARAMAH

### Ziarah Luar Makkah

- ✓ Masjid Namirah
- ✓ Bukit Korban (Mina)
- ✓ Masjid Masyaril Haram (Mudzalifah)
- ✓ Jamarat
- ✓ Jabal Nur
- ✓ Jabal Thur
- ✓ Jabal Rahmah (Arafah)
- ✓ Ja'ranah (miqat umrah kedua)
- ✓ Taif (miqat umrah ketiga)



## HARI 11 MAKKAH → JEDDAH → KUALA LUMPUR

- ✓ Tawaf Wada'
- ✓ Bertolak ke Airport Jeddah
- ✓ Check-in bagasi, serahan pasport dan boarding pass
- ✓ Berlepas ke Kuala Lumpur



## HARI 12 KUALA LUMPUR

- ✓ Tiba di KLIA

## PENAFIAN

Turutan aturcara ini boleh berubah semasa perjalanan sebenar. Tiada jaminan bahawa pakej ini mesti dimulakan dengan perjalanan ke Madinah dahulu dan diikuti Makkah, melainkan bagi penerbangan yang tiba di Lapangan Terbang Madinah sahaja.



# Hubungi Kami Untuk Pertanyaan Lanjut

**IBU PEJABAT KUALA LUMPUR** (KPK/LN:6354)

5-1, Wisma Fa Izin, Jalan Kampung Pandan,  
55100 Kuala Lumpur.

**03 9281 1411 / 03 9281 1431**

**CAWANGAN SEREMBAN** (KPK/LN:6354/16)

9-1, Jalan Pusat Komersial Saujana 1, Seremban  
2, 70300 Seremban, Negeri Sembilan.

**06 775 1111**

**CAWANGAN KOTA BHARU** (KPK/LN:6354/3)

PT340, Seksyen 35, Taman Maju, Jalan Long  
Yunus, 15350 Kota Bharu, Kelantan.

**09 744 1544**

*follow kami di media sosial*



[www.umrahfaizin.com](http://www.umrahfaizin.com)

**Kami sedang mencari  
pegawai pemasaran di  
seluruh Malaysia yang  
bersemangat untuk  
membina kerjaya  
bersama kami di Fa Izin.**

Hubungi ibu pejabat /  
cawangan terdekat atau imbas  
kod QR untuk mendaftar  
sebagai Pegawai Pemasaran.

